

Untuk Akaun Pinjaman/Pembiayaan iaitu Pembiayaan Hartanah, Pembiayaan Peribadi, Pembiayaan ASB**E-PENYATA MELALUI E-MEL/CLICKS**

1. **Saya menerima SMS/E-mel (“eDM”) pada e-Penyata untuk pinjaman/pembiayaan saya. Apakah maksudnya?**

CIMB tidak lagi menghantar penyata akaun Pinjaman/Pembiayaan anda melalui penyata kertas berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam SMS/E-mel (“eDM”). Sila lihat e-Penyata akaun pinjaman/pembiayaan anda melalui CIMB Clicks dan/atau menerimanya di alamat e-mel anda selepas langganan Penghantaran Penyata E-mel melalui CIMB Clicks (rujuk S4).

2. **Saya lebih gemar menerima penyata kertas, bolehkah saya minta penyata kertas untuk akaun pinjaman / pembiayaan saya?**

Ya, anda boleh mengikuti langkah-langkah ini untuk beralih kepada penyata kertas:

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my melalui pelayar laman web

Langkah 2: Pilih Perkhidmatan > e-Penyata > Klik pada ‘*Stop/Resume Paper Statement*’

Langkah 3: Pilih butang ‘*Resume*’

Langkah 4: Terima Pengisytiharan, dan pilih ‘*I Agree & Confirm*’

Setelah mengikuti langkah-langkah di atas untuk beralih kepada penyata kertas, anda akan menerima penyata kertas dalam kitaran penyata bulan berikutnya. Sebagai alternatif, anda boleh mengunjungi cawangan CIMB terdekat anda untuk meminta peralihan kepada penyata kertas.

3. **Bagaimanakah saya dapat melihat e-Penyata pinjaman / pembiayaan saya melalui CIMB Clicks?**

Log masuk ke CIMB Clicks melalui pelayar laman web dan lihat penyata akaun pinjaman / pembiayaan bulanan anda dengan mengikuti langkah-langkah berikut:

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my melalui pelayar laman web

Langkah 2: Pilih Perkhidmatan > e-Penyata > Klik pada ‘*View eStatement*’

Langkah 3: Pilih bulan

Langkah 4: Muat turun penyata

4. **Bagaimanakah saya minta penghantaran e-Penyata ke alamat e-mel saya?**

Sila ikuti langkah-langkah ini untuk melanggan Penyata E-mel:

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my melalui pelayar laman web

Langkah 2: Pilih Perkhidmatan > e-Penyata > Klik pada ‘*Email Statement Delivery*’

Langkah 3: Masukkan alamat e-mel & kata laluan untuk Penyata E-mel anda

Langkah 4: Pilih ‘*Yes*’ untuk menerima Terma-Terma & Syarat-Syarat > Pilih ‘*I Agree & Confirm*’

Langkah 5: Lakukan pengesahan TAC dan klik ‘*Confirm*’.

5. **Sekiranya alamat e-mel saya tidak didaftarkan atau dikemas kini dengan Bank, bagaimanakah boleh saya daftar/kemas kini alamat e-mel saya untuk e-Penyata?**

Sila ikuti langkah-langkah ini untuk mendaftar/mengemas kini alamat e-mel anda untuk Penghantaran Penyata E-mel:

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my melalui pelayar laman web

Langkah 2: Pilih Perkhidmatan > e-Penyata > Klik pada '*Email Statement Delivery*'

Langkah 3: Kemas kini E-mel / Kata Laluan untuk Penyata E-mel anda & lakukan pengesahan TAC untuk mengesahkan.